



KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI  
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

---

#### SIRI JELAJAH 'MYSTARTUP ROADSHOW' DI SARAWAK

---

**KUCHING, 24 Jun 2022** – Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr. Adham Baba hari ini telah melancarkan edisi keempat siri jelajah 'MYStartup Roadshow' di Kuching, Sarawak.

Siri jelajah 'MYStartup Roadshow' ini dianjurkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi agensi di bawahnya, Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle) bagi meneruskan kesinambungan momentum dan usaha mewujudkan sebuah ekosistem *start-up* yang terangkum dan kondusif.

Kuching merupakan hentian pertama di luar Semenanjung Malaysia dan yang keempat dalam siri jelajah MYStartup selepas Kuala Lumpur, Johor dan Pulau Pinang. Jelajah ini adalah sebahagian daripada usaha bagi memastikan komuniti *start-up* di Sarawak turut sama terlibat dan mendapat manfaat daripada program-program pemerkasaan *start-up* melalui Program MYStartup.

Pada majlis perasmian MYStartup East-Malaysia Region Roadshow Sarawak, YB Dato' Sri Dr. Adham Baba berkata, "MOSTI dan Cradle sangat berbesar hati kerana mendapat sokongan padu dan kerjasama daripada rakan-rakan komuniti setempat. Antaranya termasuklah TEGAS Digital Village, Sarawak Digital Economy Corporation (SDEC), iCube Innovation dan Sarawak Media Group (SMG) serta lain-lain yang berganding bahu dalam memajukan pergerakan dan perkembangan komuniti *start-up* di negeri ini."

Program MYStartup yang dilancarkan Februari 2022 bertujuan memperkasakan ekosistem dan komuniti *start-up* di Malaysia melalui pengisian yang menumpukan kepada pembangunan, perkembangan *start-up* secara mampan, pembangunan kapasiti serta modal insan. Antara aktiviti sepanjang jelajah adalah sesi taklimat mengenai inisiatif MOSTI serta hala tuju *start-up* negara dan perundingan bersemuka di antara agensi pembiayaan, rakan strategik setempat dan dari luar Sarawak.

Kerjasama di antara MOSTI, Cradle dan pemegang taruh Ekosistem *Start-up* Malaysia dalam siri jelajah ini menunjukkan iltizam MOSTI dalam memmanifestasikan usaha dan komitmen Kerajaan bagi memastikan Keluarga Malaysia mendapat manfaat daripada usaha pemerkasaan dan pembangunan *start-up* negara. Melalui usaha ini juga, impian menjadikan Malaysia sebagai pilihan utama bagi para pengasas dan syarikat luar untuk bertapak serta memulakan operasi mereka di negara ini dapat direalisasikan, sekali gus merancakkan lagi ekonomi negara.

Pada majlis yang sama, YB Dato' Sri Dr. Adham Baba telah mengumumkan sebuah inisiatif daripada Cradle dan Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV) yang menyediakan pembiayaan dari peringkat awal ke peringkat seterusnya yang dinamakan Program Pembiayaan Start-ups Agensi MOSTI. Menerusinya, kesemua pilihan pembiayaan sedia ada daripada Cradle dan MDV akan diadaptasi menjadi satu corong pembiayaan (*funding funnel*) kepada *start-up*. Justeru, sebuah Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Cradle dan MDV telah termeterai sebagai langkah awal bagi mengurangkan jurang kegagalan atau *the valley of death* yang dihadapi kebanyakan *start-up* di Malaysia.

Majlis yang sama turut menyaksikan pertukaran MoU di antara MOSTI menerusi Cradle dan Syarikat GK Aqua Sdn. Bhd. (GK Aqua) berkaitan penyediaan latihan kepada peserta di bawah program '*Upskilling For Deeptech And Futureskills*' kendalian Cradle. Melalui usaha sama ini, GK Aqua akan menjadi penyedia latihan rasmi untuk membentuk dan meningkatkan tenaga kerja mahir dalam bidang biosains bermula Julai 2022.

Bagi meneruskan kesinambungan dan kemampuan program MYStartup yang dijalankan di negeri Sarawak pihak Cradle turut memeterai sebuah

MoU dengan Tabung Ekonomi Gagasan Anak Sarawak (TEGAS) yang bakal menyaksikan pihak TEGAS menjadi pelaksana aktiviti-aktiviti di bawah program MYStartup di negeri ini. Selain itu, pihak Cradle juga akan menyokong program-program pembangunan ekosistem *start-up* anjuran TEGAS di negeri Sarawak.

Maklumat lanjut mengenai ekosistem *start-up* Malaysia, program-program yang bakal dianjurkan Cradle dan juga maklumat berkenaan hentian siri jelajah 'MYStartup Roadshow', *start-up*, pelabur, pemain industri dan pembina ekosistem sila layari dan mendaftar di platform MYStartup di [www.mystartup.gov.my](http://www.mystartup.gov.my).

**# TAMAT #**

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**24 JUN 2022**

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Puan Emily Clarice Joannes  
Pegawai Penerangan  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)  
03-88858299  
[emily@mosti.gov.my](mailto:emily@mosti.gov.my)

Ali Baizuri Razali  
PR & Media  
Cradle Fund Sdn. Bhd.  
011-63295400  
[ali.baizuri@cradle.com.my](mailto:ali.baizuri@cradle.com.my)